

ALBUM SEMINAR INSTITUSI RAJA (SIRAJ I)



Melestarikan Pemerintahan Beraja

5-6 Jun 2013

Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur



SIRaj

Seminar Institusi Raja

Daulat
Tuanku



DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K.II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order Of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De L'indépendance (Grand Medal Of The Independence) - Cambodia, Grand Croix De L'ordre (Royal Sash) - Cambodia, Cavaliere Dl Gran Croce Decorato Dl Gran Cordone (Italy), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration Of Omayad - The Finest Decoration (Syria), Knight Of The Royal Order Of The Seraphim (Sweden), Grand Cordon Of The Order Of The Sacred Treasure (Japan)

Raja Perlis



**DULI YANG MAHA MULIA
TUANKU FAUZIAH BINTI TENGKU ABDUL RASHID**

D.K., S.S.P.J., S.P.M.P., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Pahang)
*Grand Croix De L'Order (Royal Sash) - Cambodia, Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden),
The Order of the Sacred Treasure, Gold and Silver Star (Japan)*

Raja Perempuan Perlis



**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI
TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

*D.K., S.P.M.P., P.A.T
Doctor of Education (Honoris Causa)
La Trobe University Melbourne, Australia*

**Raja Muda Perlis
Canselor UniMAP**



**DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU HAJAH LAILATUL
SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

*S.P.M.P., Honoris Causa in Health Sciences
(University Nacional Pedro Henriquez Urena, DR)*

**Raja Puan Muda Perlis
Pro-Canselor UniMAP**



Mukadimah

Seminar Institusi Raja (SIRaj) adalah satu seminar yang pertama dianjurkan hasil kesedaran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terhadap kepimpinan institusi raja dalam memartabatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang beridentiti tersendiri yang membezakannya sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan dengan negara-negara lain di dunia. Gelombang pascamoden dari Barat yang bergerak pantas sekitar kurun ke-21 ini yang lebih bersifat anti-establishment boleh menghakis identiti tersebut dengan mudah sekiranya tidak ada usaha yang berterusan dari semua pihak untuk mempertahankannya. Berasaskan kepada tanggungjawab ini, UniMAP telah berjaya menubuhkan Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia dan turut menganjurkan Seminar Institusi Raja (SIRaj) pada 5 dan 6 Jun 2013 di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur dalam usaha memartabatkan dan melestarikan pemerintahan beraja yang berteraskan kepada penghayatan peranan raja dalam sistem raja berperlembagaan di Malaysia.

Seminar ini diadakan sebagai satu landasan berfikir dan medan perbincangan yang bersifat positif terhadap institusi raja melalui pengumpulan data dan maklumat yang terperinci mengenainya sama ada daripada perspektif sejarah, politik, sosial, ekonomi dan sebagainya. Objektif utama seminar ini ialah:

- a. Menghayati peranan institusi raja dalam sistem pemerintahan negeri dan negara.
- b. Memperkasakan institusi raja dalam memartabatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berdaulat.
- c. Menzahirkan ketaatan rakyat kepada pemerintah di negeri-negeri beraja di Malaysia melalui perkongsian ilmu dalam pelbagai sudut antara rakyat dan raja.
- d. Mermartabatkan institusi raja dalam sistem raja berperlembagaan seiring dengan pencapaian dan iltizam kerajaan dan rakyat Malaysia.

Bagi mencapai objektif seminar ini, golongan cendikiawan yang mengkaji tentang institusi raja-raja Melayu di Malaysia telah dijemput untuk membentangkan hasil

kajian masing-masing di mana akhirnya hasil percambahan ilmu tersebut telah dijadikan sebagai satu petunjuk yang kukuh bagi melestarikan institusi raja. Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tunku Syed Putra Jamalullail telah berkenan mencemar duli merasmikan Majlis Seminar Institusi Raja (SIRaj). Baginda bertitah dalam majlis berkenaan agar institusi raja ‘tidak diheret dengan emosi yang tidak terkawal demi memuaskan hati sesetengah pihak sehingga ketinggian Perlembagaan Malaysia menjadi permainan’. Selain itu, kesetiaan kepada raja dan negara terkandung dalam Rukun Negara mesti dijunjung oleh semua pihak kerana raja merupakan payung kepada rakyat (Utusan Malaysia, 6 Jun 2013, hlm. 1 & 3, Harian Metro, 6 Jun 2013, hlm. 12).

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dalam titah ucaptama baginda dalam SIRaj menyentuh tentang kedudukan institusi raja sebagai lambang perpaduan dan simbol penyatuan rakyat. Banginda jelas menolak amalan ekstremisme (Kosmo & Berita Harian, 6 Jun 2014, hlm. 4). Baginda juga menegaskan bahawa YDP Agong dan Sultan bukanlah boneka dalam sistem kerajaan tetapi ia berperanan sebagai penimbang tara yang adil dan saksama jika mendapati nasihat yang diberikan menyimpang daripada undang-undang, tergelincir daripada landasan keadilan, berunsur penindasan dan boleh memudaratkan negara (New Strait Times, 6 Jun 2014, hlm. 2 & Utusan Malaysia, 6 Jun 2014, hlm. 1 &6). Selain itu, rakyat diingatkan agar tidak melupakan sejarah dan berpegang teguh dengan prinsip asas perlembagaan.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tunku Syed Sirajuddin Jamalullail pula turut bertitah dalam ucaptama Majlis Penutup SIRaj mengenai institusi raja di Malaysia berperanan memastikan keberkesanan mekanisme ‘semak danimbang’ yang dapat memperkuatkannya sistem demokrasi. Sistem beraja juga merupakan tunggak penyatuan rakyat Malaysia dan identiti warisan bangsa serta bukanlah sekadar memenuhi nilai sejarah (Harian Metro, 7 Jun 2014, hlm. 2).

Perjalanan seminar ini turut disempurnakan dengan kehadiran para ilmuan terulung negara, para pensyarah IPTA dan para penyelidik yang berkelayakan membentangkan kertas kerja masing-masing. Antara pembentangan tersebut ialah

Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis telah membentangkan kertas kerja mengenai peranan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam memartabatkan dan memperkasakan institusi raja di Malaysia. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Hajah Ramlah Adam, Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia dengan kertas kerjanya bertajuk '7 Wasiat Raja-Raja Melayu: Satu Analisis Sejarah dan Perlembagaan Negara Malaysia', Prof. Datuk Dr. Zainal Kling, Universiti Utara Malaysia dengan kertas kerjanya bertajuk 'Sistem Beraja Melayu: Asas Kesahihannya'. Selain itu, kertas kerja bertajuk "Islam dan Raja' telah dibentangkan oleh SS Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj. Harussani Hj Zakaria, Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan. Dato' Haji Nooh Gadot, Mantan Mufti Negeri Johor Darul Takzim pula membentangkan kertas kerja mengenai institusi raja yang tidak boleh dipisahkan dengan Islam. Prof. Dato' Dr. Abu Talib Ahmad, Universiti Sains Malaysia pula menyetuh tentang fungsi muzium diraja dalam pembentukan negara bangsa. Prof. Dr. Datin Zuraidah Mohd Zain & Prof. Dr. Hashita Aini Haroon daripada Universiti Malaysia Perlis pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Syair Tengku Budriah". Terdapat beberapa orang pembentang lain yang turut menyentuh tentang institusi raja dari pelbagai aspek dalam kertas kerja masing-masing.

Pada keseluruhan, perjalanan SiRaj yang pertama di Bank Negara telah berlangsung dengan jayanya. Kehairan peserta dalam seminar ini mencecah 1000 orang. Malah seminar ini telah mendapat liputan yang luas dalam surat khabar seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Harian Metro, Sinar Harian dan New Strait Times serta syarikat penyiaran seperti Radio Televisyen Malaysia (RTM) di TV1, TV2, dan Media Prima di TV3, TV9 dan lain-lain. Kehadiran ramai wakil NGO dalam menyertai seminar ini menunjukkan bahawa rakyat juga turut mengambil berat tentang institusi raja. Selain itu, kehadiran Ketua Polis Negara, para pegawai kanan PDRM dan ATM menunjukkan bahawa kepekaan pihak berkaitan bersama-sama rakyat jelata dalam mempertahankan institusi raja ini. Hasil ucaptama, kertas kerja perbentangan dan resolusi sepanjang seminar ini menjadi bukti tentang betapa seriusnya UniMAP dalam melestari, memperkasakan dan memartabatkan institusi raja di Malaysia. Diharap kejayaan SiRaj ini akan menjadi panduan, rujukan, perintis kepada pengajaran seminar institusi raja yang seterusnya.



Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail berangkat tiba ke Majlis Perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013, disambut dengan penuh hormat oleh Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Keberangkatan tiba Pemangku Raja Perak, Duli Yang Maha Mulia Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ke Majlis Perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013. Baginda disambut oleh Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).



Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Azlan Man ke Majlis Perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013. Beliau disambut oleh Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamaruddin Hussin, Naib Canselor UniMAP.



Ketibaan Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Khalid Abu Bakar ke Majlis Perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013 dengan disambut oleh Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP.



DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah sedang berbicara mesra dengan DYT Tuanku Syed Faizuddin Putra sebelum Majlis Perasmian SiRaj bermula.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid, DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, DYMM Tuanku Zara Salim, DYT Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail and DYT Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil sedang mengaminkan bacaan doa.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail sedang bertutur dalam Majlis Perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013.



Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Kamaruddin Hussin, Pengurus Jawatankuasa Induk SIRaj sedang memberi ucapan aluan sempena Majlis Perasmian Seminar oleh DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail pada 5 Jun 2014 di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamallulail sedang menandatangani plag penubuhan Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKRIM) selepas perasmian Seminar Institusi Raja (SIRaj) dengan disaksikan oleh DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazri Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, DYTbM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin serta YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Azlan Man dan Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Dr. Zambry Abdul Kadir.



DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah sedang membentang Kertas Ucap Utama di dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) yang berlangsung di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013.



Keberangkatan DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamallullail dan DYMM Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid bersama-sama DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan DYMM Tuanku Zara Salim serta DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin dan DYTU Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil ke majlis santapan pagi di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamallullail, DYMM Pemangku Raja Perak, Tuanku Raja Dr. Nazrin Shah, DYTU Tuanku Syed Faizuddin Ibni Tuanku Syed Sirajuddin dalam majlis santapan pagi bersama-sama para pembesar negeri.

Album Seminar Institusi Raja (SIRAJ I)



DYMM Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid, DYMM Tuanku Zara Salim dan DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil dalam majlis santapan pagi bersama-sama para jemputan khas.



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid, DYMM Pemangku Raja Perak Tuanku Raja Dr. Nazrin Shahilbni Sultan Azlan Muhibbin Shah dan DYMM Tuanku Zara Salim, DYTM Tuanku Syed Faizuddin ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan mengabadikan kenangan bersama para pembesar negeri dan pelaksana SIRaj.



DYMM Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid, Raja Perempuan Perlis berkenan menerima cenderamata daripada Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP di Majlis Santapan Malam sempena Seminar Institusi Raja (SIRaj).



DYMM Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan DYMM Tuanku Fauziah binti Tengku Abdul Rashid serta DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan beramah mesra dengan para peserta seminar pada Majlis Santapan Malam sempena Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Jabatan Kerja Raya, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013.



DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail bertitah di Majlis Penutup Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 6 Jun 2013.



DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan mencemar duli melaksanakan Majlis Penutup Seminar Institusi Raja (SIRaj) dengan diiringi oleh YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Azlan bin Man dan Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 6 Jun 2013.



Sahibus Samahah Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Hj. Harussani Haji Zakaria, Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan sedang membentangkan kertas kerja yang bertajuk 'Islam dan Raja' dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur,pada 5 Jun 2013.



Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) pada 6 Jun di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur.



Datuk Prof. Dr. Zainal Kling daripada Universiti Utara Malaysia sedang membentangkan kertas kerjanya bertajuk 'Sistem Beraja Melayu: Asas Kesahihannya', dalam Seminar Institusi Raja (SIRaj) pada 5 Jun 2013.



Salah seorang pembentang kertas kerja, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abu Talib Ahmad daripada Universiti Sains Malaysia.


Album Seminar Institusi Raja (SIRAJ I)



Antara para peserta yang hadir dalam Seminar Institusi Raja(SIRaj) di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5-6 Jun 2013.



Ketua-ketua Jabatan sedang bersarapan pagi sebelum Seminar Institusi Raja (SIRaj) bermula di Lanai Kijang, Bank Negara, Kuala Lumpur pada 5 Jun 2013.



Iluu • Keiblasan • Kecemerlangan

www.unimap.edu.my